

14 AUG 1997

Mahathir-Penswastaan

PENSWASTAAN BOLEHKAN RAKYAT NIKMATI TEKNOLOGI TERKINI

ALOR SETAR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dasar penswastaan negara telah membolehkan rakyat menikmati perkembangan teknologi terkini dengan kadar yang segera.

Perdana Menteri berkata bahawa dahulu rakyat tidak berpeluang menikmati kemudahan teknologi terkini disebabkan oleh karenah birokrasi agensi-agensi kerajaan dalam membuat keputusan untuk menyediakan perkhidmatan kepada mereka.

"Kalau dahulu sebelum Telekom diswastakan, terdapat banyak karenah birokrasi yang terpaksa dilalui oleh jabatan itu sebelum sesuatu keputusan dapat diambil. Ekoran itu apabila keputusan dicapai, teknologi sudahpun berubah," katanya ketika merasmikan Menara Alor Setar di Lebuh Raya Darul Aman.

Bagaimanapun, katanya, setelah Telekom diswastakan, badan itu kini mudah mengikuti perkembangan telekomunikasi kerana ia boleh membuat keputusan sendiri dalam menyediakan teknologi terkini kepada orang ramai.

"Telekom kini membawa teknologi ke negara lain. Kalau dahulu kita terima teknologi tetapi sekarang kita eksport," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata hal yang sama juga terjadi kepada penswastaan pembinaan lebuh raya di negara ini.

"Kerajaan sanggup pindahkan pengurusan penyediaan kemudahan awam kepada swasta dengan harga yang rendah agar rakyat tidak dibebani dengan harga yang tinggi," katanya.

Keputusan yang kerajaan ambil dalam penswastaan ialah untuk menolong semua pihak iaitu pihak yang mengambil alih, pekerja, rakyat dan kerajaan.

"Pihak yang ambil alih boleh membuat keuntungan, kerajaan mendapat cukai, pekerja di semua peringkat mendapat gaji yang lebih baik dan rakyat dapat menikmati kemudahan teknologi dengan harga yang rendah," katanya.

Beliau berkata perubahan yang dilalui oleh negara ini tidak dapat dielakkan dan negara akan menjadi mundur, lemah dan boleh ditindas jika ia tidak mengikuti perubahan-perubahan yang berlaku.

Dr Mahathir juga meminta rakyat menukar budaya dengan menghargai segala kemudahan yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu.

Sebagai contoh, katanya, orang ramai hendaklah menggunakan Menara Alor Setar secara terbaik agar jangka hayat penggunaannya boleh bertahan lama.

Beliau kemudian menandatangani sebuah plak di menara itu bagi menandakan perasmiannya.

Yang turut hadir Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie.

Menara setinggi 165.5 meter itu milik Telekom Malaysia berfungsi sebagai menara telekomunikasi selain menjadi tarikan pelancong kerana dilengkapi dengan restoran berputar, kedai cenderamata, panggung terbuka dan ruang pemerhati.

Konsep pembinaan menara itu berdasarkan kepada rumpun padi yang melambangkan Kedah sebagai negeri jelapang padi.

Ia merupakan menara telekomunikasi kedua tertinggi di negara ini selepas Menara Kuala Lumpur dan yang ke 19 tertinggi di dunia.

Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohamed Said Mohamed Ali dalam ucapannya berkata syarikat itu memperuntukkan RM112 juta bagi projek pembangunan telekomunikasi di Kedah.

Usaha menyediakan rangkaian telekomunikasi yang canggih dan terkini akan terus dibuat oleh Telekom Malaysia bagi membantu ekonomi Kedah,

katanya.

Sejak menara itu dibuka kepada orang ramai pada 1 Mac lalu, lebih 120,000 orang telah mengunjunginya. -- BERNAMA

JM ZA MAI